

Saliran gergasi alir air empangan ke laut

PERUBAHAN cuaca dunia masa kini amat sukar sekali diramalkan, kejadian cuaca yang keterlaluan sudah menjadi perkara biasa dewasa ini. Banjir besar yang melanda Thailand baru-baru ini begitu memberi kesan kerosakan kepada ekonomi keseluruhan negara berkenaan.

Pantai timur Malaysia sudah pun mulai menerima taburan hujan musim tengkujuh. Kerisauan risiko kejadian banjir yang melampau amat dirasakan terutama bagi penduduk Terengganu yang juga mempunyai tasik empangan buatan manusia terbesar di Asia Tenggara hampir bersaiz negara Singapura.

Sekiranya ia berlaku, ketinggian air banjir boleh mencecah 10 meter di sepanjang sungai dan menyapu

bersih rumah penduduk lembah sungai.

Kejadian banjir besar yang melanda Bangkok baru-baru ini perlu diambil iktibar bersama bagi mempertimbangkan perancangan jangka panjang keselamatan rakyat Terengganu di kawasan Lembah Sungai Terengganu terutama apabila mengambil kira kejadian hujan yang amat luar biasa dan mengakibatkan risiko Empangan Kenyir akan pecah.

Tentu sekali rakyat Terengganu tidak mengundang sama sekali kejadian itu daripada berlaku namun apabila mempertimbangkan ketidakstabilan cuaca global masa kini. Maka itu, usaha untuk mengurangkan risiko empangan pecah perlu dijalankan dari sekarang sebelum

terlewat.

Kaedah termudah dan paling tidak mengganggu fizikal alam sekitar adalah dengan cara pembinaan saliran gergasi alternatif keluar sekurang-kurangnya dua. Saliran alternatif keluar ini akan membolehkan limpahan luar biasa air empangan terus ke laut tanpa melalui Sungai Terengganu yang berliku-liku.

Pembinaan dua saliran gergasi itu disarankan dibuat berhampiran Bandar Kuala Berang dan mempunyai penghujung di kawasan pantai Kuala Terengganu Utara dan kawasan pantai Marang.

Reka bentuk terperinci dan saiz saliran itu adalah terserah kepada arkitek kejuruteraan awam yang lebih mengetahui anggaran limpa-

han air itu.

Saliran itu juga sebenarnya boleh memainkan peranan mengurangkan risiko banjir di sepanjang kawasan berkenaan di luar waktu bencana utama. Selain itu, kawasan saliran alternatif boleh digunakan sebagai penternakan ikan, udang galah dan tiram mutiara secara komersial ketika aman.

Malah ia boleh dijadikan sebagai santuari tuntung sungai yang hampir pupus. Ingatlah perihal kata pepatah Melayu lama, beringat sebelum kena, sediakan payung sebelum hujan dan bersusah-susah dulu, bersenang-lenang kemudian.

RAMZAM MUDA,
Rawai, Marang.